

08 FEB 1998

Mahathir-Badan

BADAN KHAS KUTIP SUMBANGAN ORANG RAMAI ATASI KEMELUT EKONOMI

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kerajaan merancang menubuhkan sebuah badan khas untuk mengutip derma atau sumbangan daripada orang ramai.

Perdana Menteri berkata orang ramai boleh memberi apa jua sumbangan seperti harta, barang dan duit kepada badan itu dan hasil kutipannya boleh dijual untuk mendapatkan tukaran asing bagi dijadikan sebahagian daripada rizab negara.

Penubuhan badan itu telah dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet tetapi komposisinya belum ditetapkan, katanya pada persidangan berita selepas melancarkan Tabung Ehsan Wanita anjuran Wanita Barisan Nasional di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Ditanya bilakah badan itu dapat beroperasi, Dr Mahathir berkata kerajaan bercadang menubuhkannya secepat mungkin.

Menjawab soalan kemungkinan orang menyamar mengutip derma bagi badan itu, Dr Mahathir berkata tempat-tempat tertentu akan disediakan bagi menjalankan kutipan.

Sebelum itu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata kutipan yang akan dikendalikan oleh badan itu bukan bertujuan untuk pembelian saham sebagai pelaburan tetapi bagi meningkatkan rizab negara.

Langkah seperti itu telah dilakukan oleh rakyat Korea Selatan dan Thailand sebagai usaha membantu negara mereka mengatasi kegawatan ekonomi.

"Kalau ini dapat dibuat, ia juga akan dapat memulihkan ekonomi negara kita.

"Kalau ada wang yang lebih atau barang kemas yang kita tak berapa nak guna sangat...bukan saya hendak minta tetapi kalau nak menderma kepada negara, kita terima kerana ini akan membantu meningkatkan rizab kita," katanya.

Apabila ekonomi negara dipulihkan, rakyat juga akan merasai nikmat daripadanya, kata beliau.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata beliau amat gembira kerana kesedaran di kalangan wanita untuk menabung sepertimana diperlihatkan dengan penubuhan tabungan anjuran Wanita BN itu.

Beliau berharap tabungan itu akan mendapat sokongan wanita di seluruh negara tanpa mengira tempat, kaum dan fahaman politik.

"Dengan adanya usaha-usaha ini pemulihan ekonomi kita akan tercapai dengan lebih awal," katanya.

Beliau yakin tabung itu akan digunakan secara bijak oleh mereka yang akan menguruskannya termasuk membuat pelaburan saham.

"Pengurus wang yang akan dikumpul ini mestilah terdiri daripada orang yang cekap dalam bidang pelaburan supaya pelaburan itu boleh membantu menaikkan nilai saham dan memberi keuntungan kepada peserta.

"Apa yang kita hulurkan ini bukanlah satu derma yang kita anggap sebagai derma yang hilang dan hilang begitu sahaja tetapi sebaliknya ia ada pulangan kepada kita," katanya.

Pulangan itu mungkin jauh lebih baik daripada apa yang dihulurkan, katanya.

"Kita tidak rugi, sebaliknya kalau kita yakin dengan ekonomi negara kita, insyaAllah kita akan mendapat pulangan yang baik.

"Hari ini harga saham begitu rendah, sudah tentu apabila kita membeli saham di waktu nilainya rendah dan kemudian kerana pembelian kita nilai saham itu meningkat, maka kita mendapat keuntungan daripada apa yang

dipanggil keuntungan modal," katanya.

Dr Mahathir berkata, nilai saham jatuh terlalu rendah sehinggakan nilainya itu lebih rendah daripada aset yang dimiliki syarikat-syarikat.

"Jadi kita tak kehilangan apa-apa kerana kalau kita jual aset sekalipun, kita akan mendapat balik apa yang kita laburkan," katanya.

Beliau bagaimanapun berharap mereka tidak menjual saham yang dimiliki tetapi terus melabur untuk membantu meningkatkan nilai saham berkenaan. --

BERNAMA

AZZ AKD